

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**  
**KAWASAN** : **JELUTONG**  
**NO. SOALAN** : **187**

**SOALAN**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan statistik lengkap bagi jumlah pelaburan dan aliran wang masuk ke Malaysia hasil daripada pelbagai program kewangan dan perdagangan dua hala dengan Negara China menerusi Gagasan One Belt One Road (OBOR) setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Inisiatif Belt and Road (Belt and Road Initiative – BRI) telah diumumkan oleh Presiden Republik Rakyat China pada tahun 2013. Inisiatif ini terdiri daripada dua laluan perdagangan antarabangsa iaitu "Silk Road Economic Belt" dan "21<sup>st</sup> Century Maritime Silk Road" yang menghubungkan Asia, Eropah dan Afrika. BRI melibatkan 65 buah negara dengan jumlah penduduk yang mencecah 4.4 bilion iaitu 63% daripada penduduk dunia. Antara matlamat utama pelaksanaan BRI ialah:

- (i) Koordinasi dasar (*Policy Coordination*);

- (ii) Perhubungan infrastruktur (*Facilities Connectivity*);
- (iii) Perdagangan tanpa sekatan (*Unimpeded Trade*);
- (iv) Integrasi kewangan (*Financial Integration*); dan
- (v) Hubungan sesama manusia (*People-to-People Bonds*)

2. Wilayah dan benua yang dirangkumi oleh laluan BRI, peratusan penduduk dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1:** Senarai Benua di Sepanjang Laluan OBOR dan Peratusan Mengikut Populasi Dunia dan KDNK

	Peratusan Populasi Dunia (%)	Peratusan dalam KDNK (%)
Asia Timur dan Utara	21	20.1
Asia Tengah	1.4	0.7
Asia Barat	5	6.26
Asia Tenggara	9	0.99
Asia Selatan	23	6.36
Eropah Timur	1.4	1.5
Eropah Selatan dan Barat	2.3	8.37
Afrika Timur	2	6.35
<b>JUMLAH</b>	<b>65</b>	<b>50.6</b>

3. Malaysia menyokong pelaksanaan BRI sejak ia dilancarkan, dan baru-baru ini, Malaysia dan China telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) Bagi Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Bersama Menerusi Inisiatif Laluan Sutera dan Laluan Maritim Kurun Ke-

21. Perjanjian ini ditandatangani oleh YB Menteri II MITI dan Naib Pengerusi *National Development and Reform Commission* (NDRC) China pada 13 Mei 2017 bersempena penyertaan YAB Perdana Menteri di *Belt and Road Forum for International Cooperation* yang telah diadakan di Beijing.

4. MoU tersebut akan memberi peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan lagi kerjasama perdagangan dan pelaburan dua hala. Negara-negara lain juga turut berusaha secara agresif untuk menjalin kerjasama ekonomi yang baik dengan China termasuk melalui BRI. Malaysia tidak harus ketinggalan dan perlu merebut peluang untuk membawa masuk pelaburan yang berkualiti tinggi dan pada masa yang sama memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk membangunkan laluan sutera maritim secara bersama. Kerjasama dalam BRI akan membolehkan Malaysia untuk meneroka dan mengenal pasti bidang-bidang pelengkap yang tersedia berikutan transformasi ekonomi yang sedang berlaku di kedua-dua negara bagi manfaat bersama.

5. Pada masa yang sama, MoU ini juga akan memberi peluang untuk menambah baik kerjasama ekonomi sedia ada melalui platform yang telah diwujudkan di antara Malaysia dan RRC. Ini termasuk "Program Lima Tahun Dalam Kerjasama Perdagangan dan Ekonomi" yang telah dilanjutkan ke fasa kedua dari tahun 2018 hingga 2022.

6. Melalui BRI, Malaysia dapat menggunakan pembiayaan yang tersedia di bawah dua dana utama yang diterajui oleh RRC iaitu Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (*Asian Infrastructure Investment Bank* -

AIIB) dan Dana Laluan Sutera Maritim (*Maritime Silk Road Fund - MSRF*) yang masing-masing berjumlah USD100 bilion dan USD40 bilion. Kemudahan pembiayaan ini akan memberi peluang kepada Malaysia untuk menawarkan kepakaran dalam kerja-kerja pembinaan, pembekalan bahan-bahan dan perkhidmatan berkaitan pembinaan termasuk perundingan, kejuruteraan dan seni bina bagi tujuan pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, landasan kereta api, saluran paip air, terusan dan pengurusan takungan serta pengurusan kumbahan.

7. BRI masih berada pada peringkat awal dan terbuka kepada mana-mana negara yang berminat untuk menyertainya bagi membangunkan BRI secara bersama. Oleh itu, bagi memastikan Malaysia mendapat manfaat sepenuhnya, Sekretariat Kebangsaan BRI telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. Sekretariat Kebangsaan ini akan mengkoordinasi, mempermudah dan memantau pelaksanaan BRI di Malaysia.

8. Bagi tahun 2016, pelaburan yang diluluskan dari negara China dalam sektor pembuatan merupakan pelaburan langsung asing yang terbesar dengan jumlah RM4.7 bilion. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka akan menjana 10,147 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrik mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi iaitu sejumlah RM1.8 bilion, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri barangan logam asas (RM1.3 bilion).

9. Inisiatif BRI telah merangsang peningkatan pelaburan dari China. Sebagai perbandingan dengan tahun 2016 seperti yang telah

diperjelaskan di para di atas, pada tahun 2015, China berada di kedudukan keempat dari segi kemasukan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dengan jumlah sebanyak RM1.9 bilion. Pelaburan ini melibatkan 17 projek dan dijangka menjana 5,127 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrik mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi dari negara China iaitu sejumlah RM955.4 juta, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM526.9 juta), barangan logam asas (RM271.4 juta) dan peralatan pengangkutan (RM42.8 juta).

10. Berdasarkan statistik daripada Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah aliran masuk FDI bersih ke Malaysia dari Negara China sepanjang tempoh 2008 hingga suku pertama 2017 adalah RM10.9 bilion.

**Aliran Masuk FDI dari Negara China, 2008 hingga Suku Pertama 2017 (RM Juta)**

Tempoh	Aliran Masuk (Kredit) (RM Juta)	Aliran Keluar (Debit) (RM Juta)	Bersih (RM Juta)
2008	1,116	914	201
2009	793	1,217	-424
2010	920	1,016	-95
2011	962	937	25
2012	2,354	2,258	96
2013	2,257	1,933	324
2014	2,326	1,351	975
2015 <sup>F</sup>	3,836	2,520	1,315
2016 <sup>R</sup>	8,867	2,933	5,934
2017 <sup>P</sup> Q1	3,157	592	2,565

Tempoh	Aliran Masuk (Kredit) (RM Juta)	Aliran Keluar (Debit) (RM Juta)	Bersih (RM Juta)
		Jumlah	10,916

Nota:

f Muktamad/Final      r Disemak/Revised      p Permulaan/Preliminary

*Kredit merujuk kepada aliran masuk dana atau amaun yang diterima oleh pelabur langsung Malaysia daripada enterpris pelaburan langsung bukan pemastautin berikutan pembubaran pelaburan di luar negeri, transaksi pinjaman, kredit perdagangan dan penerimaan modal lain.*

*Debit merujuk kepada aliran keluar dana atau amaun yang diberikan oleh pelabur langsung Malaysia kepada enterpris pelaburan langsung bukan pemastautin dalam bentuk modal ekuiti, perolehan dilabur semula, transaksi pinjaman, kredit perdagangan dan pemberian modal lain.*

11. Selaras dengan fokus inisiatif BRI, penyertaan China juga semakin meningkat dalam projek-projek infrastruktur. Ini termasuk Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Melaka Gateway, dan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP). Penyertaan syarikat-syarikat China ini secara langsung akan membantu Malaysia mencapai matlamat menjadikan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Polisi dan strategi dasar Malaysia seperti Rancangan Malaysia ke-11 juga adalah sejajar dengan Strategi Pelaburan Luar Negara (*outbound investment*) Kerajaan China, yang memberi tumpuan kepada membina infrastruktur, pembinaan, logistik, pengangkutan dan tenaga, dan pembangunan baru pasaran baru muncul.

12. Secara kesimpulannya, pelaksanaan BRI akan memastikan rakyat jelata mendapat faedah daripada penambahbaikan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sosial yang lebih baik, taraf hidup yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang lebih baik dan lebih banyak peluang keusahawanan.